

Company Name : NexG Berhad
Date : 9 September 2025
Source : Berita Harian

NexG Bina Buka Lembaran Baharu Teroka Sektor Hartanah, Pembinaan



CYBERJAYA: Classita Holdings Bhd secara rasmi menukar nama kepada NexG Bina Bhd selepas mendapat kelulusan pemegang saham pada Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) hari ini, sekali gus menandakan transformasi strategik syarikat ke dalam sektor hartanah, pembinaan dan infrastruktur.

Ketua Pegawai Eksekutif NexG Bina, Mohd Fadhli Abdul Rahman, berkata langkah itu adalah sebagai usaha untuk mempelbagaikan portfolio kumpulan yang sebelum ini terbabit dalam industri pembuatan pakaian dalam, kepada sektor bernilai tinggi yang sejajar dengan hala tuju pembangunan negara di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK 13) dan kerangka Ekonomi MADANI.

Katanya, transformasi itu adalah berasaskan aset nyata dan jajaran projek pembangunan yang semakin berkembang, dengan nilai pembangunan kasar (GDV) keseluruhan melebihi RM360 juta di Tapah, Ulu Kelang dan Bentong.

"Di Tapah, Perak, kumpulan masih memiliki baki tanah 5.1 hektar dalam pelan induk 38 hektar yang berhampiran UiTM Tapah dan Ibu Pejabat Polis Daerah Tapah. Projek ini merangkumi 86 rumah teres dengan GDV RM34 juta serta 34 lot kedai yang diubah suai menjadi studio pelajar, dengan potensi menjana pendapatan sewaan sehingga RM2.5 juta setahun.

"Selain itu, kumpulan turut memiliki sebuah hotel bajet bernilai RM5.5 juta yang berpotensi dijadikan usaha sama dengan pihak ketiga, sekali gus melengkapinya permintaan tinggi terhadap penginapan pelajar dan pengunjung di kawasan itu.

"Di Ulu Kelang pula, NexG Bina merancang projek perumahan mampu milik berasaskan model Bina-Sewa-Pindah (BLT) yang memberi keutamaan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM). Projek bernilai GDV RM47.5 juta ini dijangka menjana hasil sewaan tahunan sehingga RM2.5 juta atau keuntungan pembangunan kasar mencecah RM9.6 juta sekiranya dijual," katanya pada sidang media selepas EGM syarikat itu di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Pengerusi Bukan Eksekutif NexG Bina, Tan Sri Razarudin Husain.

Mengulas lanjut, Mohd Fadhli berkata, pembangunan Kepayang Heights di Bentong, Pahang sedang giat dibangunkan membabitkan rumah berkembar, banglo, apartmen servis serta kelab komersial dengan GDV RM277.4 juta.

"Dibangunkan di atas tanah 7.97 hektar, fasa pertama projek ini dijangka siap pada separuh kedua 2027. Kumpulan juga sedang merasionalisasi tanah industri di Kinta, Perak termasuk menjual satu lot bernilai RM6.7 juta dengan keuntungan RM2.7 juta, selain merancang untuk memajukan baki tanah kepada fasiliti industri bagi menyeimbangkan pulangan jangka pendek dan aliran pendapatan berulang," katanya.

Melalui kerjasama dengan Lion Pacific Sdn Bhd, syarikat itu juga sedang meneroka peluang dalam projek infrastruktur berskala besar termasuk MRT3, bagi memperkukuh kedudukan sebagai penyedia penyelesaian infrastruktur negara.

Sementara itu, Razarudin berkata, transformasi syarikat masih di peringkat awal tetapi sudah menunjukkan keupayaan melaksanakan projek dengan berkesan.

"Kami realistik bahawa transformasi ini masih di peringkat awal. Projek di Tapah, Bentong dan rasionalisasi tanah di Kinta membuktikan kemampuan kami melaksanakan sambil mengitar semula modal dengan berkesan.

"Projek di Ulu Kelang, inisiatif BLT serta kerjasama dengan Lion Pacific turut mencerminkan hala tuju kumpulan. Perjalanan ini adalah tentang membina kredibiliti langkah demi langkah supaya kumpulan dapat menyokong usaha kerajaan di bawah RMK-13 yang mensasarkan sejuta rumah mampu milik menjelang 2035," katanya.

Beliau menambah, dalam masa sama, segmen pembuatan pakaian dalam kekal berdaya maju dengan mencatat hasil RM60.8 juta bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2025.

"Syarikat sudah menandatangani Perjanjian Induk untuk penjualan 49 peratus pegangan melalui pengurusan sedia ada, bagi membolehkan kumpulan menumpukan pelaburan semula dalam sektor hartanah dan infrastruktur.

"Dengan kedudukan tunai kukuh berjumlah RM73.6 juta, NexG Bina yakin dapat menggerakkan strategi pertumbuhan jangka panjangnya. Dalam jangka panjang, kami mahu berdiri sebagai pemaju nasional Bumiputera yang menyokong agenda pembangunan negara," katanya.